

Rampasan kuasa di negara jiran tidak jejas keselamatan kita – Najib

KUALA LUMPUR 20 Sept. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kejadian rampasan kuasa di Thailand dijangka tidak membawa sebarang kesan keselamatan ke atas Malaysia.

Menurut beliau, kerajaan tidak menjangka akan berlakunya sebarang kejadian tidak diingini di sempadan Malaysia-Thailand dan mengangap perkara itu sebagai masalah dalaman negara berkenaan.

“Pihak berkuasa kita di kawasan sempadan berada dalam keadaan berjaga-jaga dan sedang memantau serta meneliti perkembangan terbaru di Bangkok serta selatan Thailand.

“Buat masa ini, kita menyifatkannya sebagai hal tempatan bagi warga Thailand dan bukan untuk

UM-21/9/2006
kita campur tangan di sana,” katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Lewat malam semalam, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra mengisytiharkan darurat di Bangkok selain ‘memecat’ ketua tentera negara itu.

Bagaimanapun tentera Thai yang mengepung Rumah Kerajaan yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri mengumumkan ia telah melancarkan rampasan kuasa.

Ketua tentera yang ‘dipecat’ itu, Lt. Jen. Sonthi Boonyaratglin dalam kenyataannya berkata, tentera mengambil alih kawalan ke atas seluruh Thailand.

Najib memberitahu, tiada apa yang istimewa mengenai keadaan berjaga-jaga pihak berkuasa negara di sempadan kerana tidak ada perkara mencurigakan yang memerlukan tindakan lebih daripada itu.

“Pada masa ini, Malaysia sedang meneliti perkembangan di Thailand dan seeloknya tidak mahu Thailand dikuasai pihak tentera.

Namun, apa yang penting ialah bagi rakyatnya menentukan bentuk perlembagaan yang mereka mahukan, sama ada yang ada kini atau yang baru.

“Dan kerajaan itu perlu disokong rakyat sejagat melalui proses demokrasi,” ujarnya.

Najib menjelaskan pucuk pimpinan Thailand kini tidak memerlukan pengiktirafan kerajaan Malaysia kerana ia hanya merupakan penyelesaian sementara bagi rakyat Thailand.

Malaysia juga, kata beliau, tidak akan membuat sebarang perhubungan dengan Sonthi kerana adalah tidak sesuai bagi negara berbuat demikian.

“Walaupun kita tidak tahu berapa lama kerajaan sementara itu akan berkuasa, kita tahu adalah tidak sesuai untuk berhubung dengannya sekarang,” jelas beliau.

Najib bagaimanapun sekali lagi mengingatkan rakyat Malaysia agar tidak melawat kawasan selatan Thailand sekiranya keperluan tidak mendesak untuk mereka berbuat demikian.

“Kalau nak ke tempat lain mungkin boleh tetapi jika ke kawasan sempadan, wajarlah mereka berfikir dua kali sebelum membuat keputusan kerana keadaan masih tak menentu dan apa-apa sahaja boleh berlaku,” ujarnya.